



IPSC Depository Sdn Bhd

Nombor Pendaftaran Syarikat: 1332047-T

Notis Perlindungan Data Peribadi

Isi Kandungan

1.	Pengenalan.....	1
2.	Pengakuan Dan Persetujuan	2
3.	Pengumpulan Data Peribadi.....	2
4.	Penerangan mengenai Data Peribadi.....	2
5.	Tujuan pengumpulan dan pemprosesan data peribadi	2
6.	Sumber data peribadi.....	3
7.	Pendedahan data peribadi	3
8.	Keselamatan dan data peribadi	3
9.	Penggunaan Kuki	3
10.	Pemindahan data peribadi	3
11.	Kewajipan subjek data	4
12.	Hak Subjek data.....	4
13.	Meminta akses kepada dan pembetulan data peribadi	4
14.	Perubahan kepada Notis ini	4
15.	Penarikan Keizinan	4
16.	Pertanyaan dan aduan	4

1. Pengenalan

Selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“Akta”) dan peraturannya, notis ini, berkuatkuasa pada 21^{hb} Disember 2022, disampaikan kepada semua pelanggan yang dihargai dan/atau bakal pelanggan serta pekerja kami. Notis ini akan memaklumkan tentang hak anda yang berkenaan dengan data peribadi anda yang telah dan/atau akan dikumpulkan, digunakan dan diproses oleh kami.

2. Pengakuan Dan Persetujuan

Dengan perbuatan berkomunikasi, perlibatan dengan IPSC Depository Sdn Bhd (“**IPSC**”) atau penggunaan produk dan perkhidmatan Syarikat, atau dengan penerimaan Notis ini seperti yang diedarkan kepada anda sebagai pekerja kami, anda mengakui bahawa anda telah membaca dan memahami Notis ini dan bersetuju dengan pengumpulan, penggunaan, pemprosesan, pendedahan dan pemindahan data peribadi anda oleh IPSC seperti yang diterangkan dalam Notis ini.

3. Pengumpulan Data Peribadi

Kami telah mengumpul dan akan mengumpul data peribadi anda untuk diproses oleh kami serta/atau bagi pihak anda semasa urusan semasa atau akan datang anda dengan IPSC, anak syarikatnya, syarikat bersekutunya (“**kami**”, atau “**Syarikat**”). Data peribadi anda membolehkan kami mencapai Tujuan yang dinyatakan dalam Klausus 5 di sini yang berkaitan dengan perniagaan kami.

4. Penerangan mengenai Data Peribadi

Jenis data peribadi yang kami kumpul dan proses adalah seperti berikut:

- a) Nama;
- b) No kad pengenalan;
- c) Jantina;
- d) Alamat e-mel;
- e) No. telefon bimbit;
- f) No. pasport,
- g) Alamat IP;
- h) Imej (gambar/rakaman video);
- i) Data peribadi yang sensitif; dan
- j) Sebarang Maklumat Pengenalan Peribadi (PII) yang ditakrifkan oleh undang-undang atau piawaian privasi antarabangsa.

5. Tujuan pengumpulan dan pemprosesan data peribadi

Data peribadi tidak akan didedahkan untuk sebarang tujuan selain daripada apabila ia didedahkan pada masa pengumpulan. Data peribadi anda mungkin diproses untuk tujuan berikut, jika berkaitan:-

- a) Untuk mewujudkan dan mengurus rekod perubatan dan laporan perubatan
- b) Untuk menjalankan penyelidikan, analisis dan penambahbaikan
- c) Untuk memasarkan dan mengiklankan produk dan perkhidmatan
- d) Untuk membolehkan aktiviti pengurusan sumber manusia yang berkaitan dengan pekerja
- e) Perkongsian data peribadi untuk tujuan kemudahan perbankan, menandatangani dokumen rasmi dan perakaunan
- f) Untuk tujuan pembelian barang, perkhidmatan penyumberan luar, pembangunan baharu dan lain-lain
- g) Untuk pendidikan dan latihan
- h) Untuk sebarang tujuan lain yang bersampingan atau lanjutan kepada tujuan di atas

6. Sumber data peribadi

IPSC boleh mendapatkan data peribadi anda daripada pelbagai sumber termasuk tetapi tidak terhad kepada borang permohonan, laman web, kad perniagaan dan lain-lain.

7. Pendedahan data peribadi

Kami mungkin mendedahkan data peribadi anda kepada anak syarikat lain atau syarikat bersekutu dalam kumpulan kami. Anak syarikat atau syarikat bersekutu tersebut akan menganggap data peribadi anda sebagai sulit, menurut Notis ini dan dengan mengikuti semua undang-undang perlindungan data yang berkenaan dan akan memproses data peribadi tersebut hanya untuk Tujuan dan dalam terma yang dinyatakan di sini. Kami bertanggungjawab ke atas data peribadi yang berada di bawah kawalan kami, termasuk data peribadi yang kami dedahkan kepada vendor (sering dirujuk sebagai "**pemproses data**"). Kami mengambil setiap langkah untuk menyediakan tahap perlindungan yang setanding untuk data peribadi sekiranya maklumat tersebut diproses oleh vendor. IPSC beriltizam untuk mematuhi Akta tersebut, khususnya, polisinya serta garis panduan dan perintah yang sepadan.

8. Keselamatan dan data peribadi

IPSC menggunakan prosedur dan ciri keselamatan yang ketat untuk menghalang akses yang tidak dibenarkan di mana mungkin. Data peribadi yang diberikan kepada IPSC melalui laman web kami atau melalui mana-mana aplikasi, transaksi kad kredit dalam talian adalah dilindungi semasa transit secara penggunaan alat penyulitan seperti Transport Layer Security (TLS). Apabila data peribadi disimpan oleh IPSC, kami menggunakan sistem komputer dengan akses terhad yang ditempatkan di fasiliti yang mengandungi langkah keselamatan fizikal. Data yang disimpan dalam awan adalah disulit, termasuk apabila kami menggunakan perkhidmatan penyimpanan pihak ketiga. Tahap keselamatan data peribadi yang disimpan dalam persekitaran bukan elektronik juga dikendalikan dengan prosedur dan cara yang ketat.

9. Penggunaan Kuki

Kuki yang digunakan oleh laman web kami hanya dikaitkan dengan pengguna tanpa dilampirkan nama dan komputer mereka dan tidak mendedahkan data peribadi pengguna. Sesetengah kuki digunakan oleh pihak ketiga untuk memaklumkan IPSC data tentang keberkesanan penglibatan dan promosinya. Kuki yang digunakan oleh laman web kami tidak sama sekali mengumpul data peribadi yang boleh digunakan untuk mengenal pasti identiti pengguna tertentu. Selain itu, kuki adalah bersifat sementara, digunakan semata-mata untuk meningkatkan kecekapan penghantaran terakhir. Pengguna boleh mengkonfigurasi pelayar web untuk dimaklumkan tentang penerimaan kuki dan untuk menghalang pemasangan tersebut pada komputer mereka.

10. Pemindahan data peribadi

Kami tidak memindahkan data peribadi anda keluar dari Malaysia kepada pihak ketiga (selain daripada yang dinyatakan dalam Klausula 7 di atas) atau untuk tujuan (selain daripada yang dinyatakan dalam Klausula 5 di atas) melainkan anda telah memberikan kebenaran anda kepada kami. Kami bersungguh-sungguh menyediakan tahap perlindungan yang setanding untuk data peribadi sekiranya data peribadi anda dipindahkan ke dan diproses atau digunakan di tempat di luar Malaysia.

11. Kewajipan subjek data

IPSC perlu mengumpul dan menyimpan data peribadi anda. Oleh itu, anda juga diwajib membekalkan data peribadi anda kepada kami secara tepat. Jika anda tidak memberikan kami data peribadi, IPSC tidak dapat, memproses data peribadi bagi pihak anda, untuk Tujuan yang dinyatakan dalam Klausus 5 di sini, atau memberikan perkhidmatan kami kepada anda secara berkesan, dan semua perhubungan yang wujud atau yang akan diwujudkan antara kami hendaklah ditamatkan dan ia tidak lagi berkuat-kuasa secara serta-merta.

12. Hak Subjek data

Anda berhak untuk mengehadkan pemrosesan data peribadi secara cara menarik balik kebenaran yang telah diberikan sebelum ini, dalam setiap kes, termasuk untuk tujuan pemasaran langsung jika tertakluk kepada sebarang sekatan undang-undang yang berkenaan, syarat kontrak dan dalam tempoh masa yang munasabah.

13. Meminta akses kepada dan pembetulan data peribadi

Anda berhak untuk meminta akses kepada dan pembetulan data peribadi anda. Sekiranya kami tidak dapat mematuhi permintaan anda dalam tempoh 21 hari dari tarikh penerimaan permintaan anda, kami akan memberikan anda notis bertulis yang menyatakan sebab kami tidak dapat mematuhi permintaan anda.

14. Perubahan kepada Notis ini

Kami berhak untuk meminda Notis ini dari semasa ke semasa tanpa notis terlebih dahulu. Kami menasihatkan anda melawat tapak web kami (www.ipscbank.sg) untuk Notis ini secara berkala.

15. Penarikan Keizinan

Anda boleh, pada bila-bila masa, menarik balik persetujuan anda untuk pengumpulan, penggunaan, pemrosesan, pendedahan dan/atau pemindahan data peribadi anda dengan cara memberi kami notis bertulis. Setelah kami menerima permintaan anda, kami akan menghentikan pengumpulan, penggunaan, pemrosesan, pendedahan atau pemindahan data peribadi anda secepat mungkin.

16. Pertanyaan dan aduan

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut tentang data peribadi dalam simpanan kami atau cara maklumat anda dikumpul, digunakan, diproses, didedahkan atau dipindahkan yang tidak dapat dijawab oleh Notis ini, sila hubungi atau tulis kepada kami di:

Nombor Telefon	: +6018-9122 080, or +6018-9122 081
Alamat emel	: enquiry@ipscbank.sg
Alamat	: D7-1-16 & D7-1-17, Bangunan Perdagangan D7 800 Jalan Sentul, Sentul 51000 Kuala Lumpur Malaysia